

JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 5 BIL. 02 (2025)
INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES



**HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA: PENEGUHAN AKHLAK DAN KEPATUHAN
TERHADAP TATANAN ILAHI**

Santrol bin Abdullah¹, Nur Bakri Abd Hamid²

Abstrak

Hikayat Panglima Nikosa (HPN) merupakan novel Melayu terawal yang dicetak secara litografi pada tahun 1876 di Kuching oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid. Walaupun dinamakan “hikayat”, teks ini menampilkan dunia penceritaan yang realistik, serta berpusat pada pembinaan negeri, kepimpinan dan kemajuan sosioekonomi masyarakat. Makalah ini meneliti HPN sebagai teks yang meneguhkan akhlak dan kepatuhan terhadap tatanan Ilahi melalui empat fokus utama perbincangan iaitu nilai keagamaan, pembentukan watak, dimensi kesabaran dan pendidikan moral. Perbincangan awal dimulakan dengan pembinaan kerangka konsep akhlak dan tatanan Ilahi berdasarkan dua kerangka pendekatan iaitu Pengkaedahan Melayu Hasyim Awang (1988) serta kerangka tradisi pemikiran Islam oleh seperti Ibn Manzur (1990), al-Faruqi (2000), Tenas Effendy (2000) dan Zuraidah Abdullah et al. (2012), Analisis berdasarkan petikan terpilih HPN yang menonjolkan hubungan antara manusia dan Tuhan, prinsip usaha dan rezeki, ciri kepimpinan Panglima Nikosa, dan pembinaan masyarakat. Kesimpulannya HPN merupakan sebuah teks yang mengangkat pemikiran sosial yang mendahului zamannya serta merupakan karya yang berlandaskan kepada kerangka tradisi pemikiran Islam dan nilai Melayu.

Kata kunci: *Hikayat Panglima Nikosa, tatanan Ilahi, kepimpinan, nilai Melayu, pembentukan watak, dimesi kesabaran, pendidikan, kesantunan bahasa, kecerdasan linguistik*

Pendahuluan

HPN merupakan novel Melayu terawal yang dihasilkan oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid dan dicetak secara litografi pada 30 Jun 1876 di Bukit Persinggahan, Kampung Boyan, Kuching. Naskhah tersebut kemudiannya dikesan tersimpan di *Rhodes House Library, Oxford*, dan dikenali sebagai dokumen Melayu terawal yang berasal dari Sungai Sarawak sendiri (Recce & Thomas, 1983). HPN sering dianggap lari daripada bentuk hikayat tradisional kerana penceritaannya yang realistik, berlatarkan dunia manusia tanpa unsur tahyul dan kayangan, serta bertumpu pada persoalan pembinaan negeri, peperangan, keamanan dan kemajuan masyarakat. Secara ringkas, HPN mengisahkan sebuah komuniti yang memilih Nikosa untuk memimpin orang muda menentang musuh yang menindas mereka. Selepas sepuluh tahun, Nikosa pulang dan melaporkan bahawa musuh telah ditewaskan. Masyarakat kemudian mengangkatnya sebagai pemimpin dan ketua mereka. Naratif penceritaan bergerak merentasi tiga fasa utama selama 34 tahun, iaitu fasa peperangan dan keamanan, fasa pembinaan negeri baharu, dan fasa memakmurkan masyarakat melalui bidang pertanian, penataan kampung dan pendidikan.

Ahmad Shawal Abdul Hamid berasal dari Bangkahulu, Sumatera Selatan, dan merupakan seorang yang bijak dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching. Beliau pernah menyandang jawatan Setiausaha Sulit Brooke, mahir dalam bahasa Arab dan kesusasteraan Melayu, dan menjadi pelopor pembinaan sekolah Melayu pertama di Sarawak pada tahun 1883 (Hamzah Hamdani, 1988; Jiso Rutan, 1990). Edisi moden HPN yang diterbitkan oleh Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak mengukuhkan kembali kedudukan teks ini dalam perbincangan kesusasteraan dan sejarah. Status HPN sebagai teks penting turut disokong oleh pelbagai kajian dan perbincangan akademik sejak hampir 63 tahun yang lepas dan sehingga kini. Recce dan

Thomas (1983) yang menghuraikannya sebagai teks yang mengandungi unsur sejarah, politik dan panduan praktikal pertanian. HPN juga diklasifikasikan sebagai dokumen sosial masyarakat Sarawak, dengan meneliti aspek sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya yang mencerminkan kehidupan sebelum Perang Dunia Kedua. Pelbagai sarjana memberi perhatian kepada aspek bahasa, etnosentrisme, retorik, etnografi, komunikasi, pembangunan pertanian, falsafah, sejarah, politik dan nilai pemikiran dalam HPN. Mereka turut bersepakat bahawa pengarang, melalui watak Panglima Nikosa, mengemukakan gagasan kepimpinan, akhlak, pemikiran dan kemajuan yang progresif tetapi berakar pada nilai ketuhanan dan adat Melayu.

Kerangka Konsep Akhlak dan Tatanan Ilahi

Akidah dan Hubungan Manusia-Tuhan

Dalam tradisi pemikiran Islam, akhlak bertolak daripada akidah. Ibn Manzur (1990) menghuraikan akidah sebagai keyakinan yang teguh terhadap kebenaran yang berakar dalam hati. Al-Qaradawi (1987) menjelaskan iman sebagai keyakinan yang bukan sekadar lafaz, tetapi kepercayaan mendalam yang meresap ke dalam jiwa. Selain itu juga, akidah berfungsi sebagai mekanisme rohani yang mempengaruhi seluruh tingkah laku manusia. Al-Faruqi (2000) melalui gagasan al-tawhid menggambarkan akidah sebagai asas yang menyatukan semua aspek kehidupan kepada kesedaran terhadap Allah SWT. Akidah menstrukturkan cara manusia berfikir dan bertindak, termasuk dalam bidang ekonomi dan sosial. Abdul Hamid (2019) pula menjelaskan bahawa kejayaan usahawan muslim tidak terpisah daripada kekuatan akidah dan keutamaan iman dalam membentuk personaliti dan pembangunan diri serta cara berfikir.

Dalam HPN, asas ini hadir melalui leluhur dalam diri Panglima Nikosa memahami rezeki, usaha dan tanggungjawab. Tuhan telah mengurniakan tubuh badan yang kuat, bumi yang subur dan masa yang panjang, sementara manusia diingatkan untuk membalas kasih-Nya dengan bekerja, mentaati perintah-Nya dan mengurus hidup dengan terancang. Dialog Nikosa kepada Pilina menegaskan bahawa kasih Tuhan sudah tersedia, dan manusia perlu menyambutnya dengan tindakan, bukan keluhan

kosong. Ketika Nikosa memeriksa hal ehwal rakyat **“beserta dengan tolongan Allah”**, kebergantungan kepada Tuhan muncul dalam bentuk tawakal yang tinggi, bukan hanya keluh resah yang tiada berpenghujung.

Syariah, Keadilan dan Amanah Sosial

Syariah dalam Islam merupakan hukum dan garis panduan yang diwahyukan oleh Allah SWT untuk membentuk dan mengawal kehidupan manusia secara menyeluruh. JAKIM (2015) menerangkan bahawa model tadbir urus berteraskan maqasid syariah berusaha menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Ghazanfar dan Islahi (1997) menghuraikan bentuk pemikiran al-Ghazali tentang ekonomi yang mengekalkan matlamat tersebut melalui keseimbangan antara keuntungan dan kemaslahatan. Penentuan keuntungan dalam muamalat perlu mematuhi maqasid, wasatiyyah dan ihsan serta menekankan keadilan dalam transaksi. Prinsip ini digunakan dalam HPN melalui cara Nikosa mengurus harta rampasan dan amanah pemerintahan. Beliau membahagikan harta secara adil kepada semua lapisan masyarakat dan menolak sifat tamak walaupun beliau sendiri mengetuai angkatan perang, manakala dialog **“bukannya kami yang empunya dia”** dalam HPN ketika menjelaskan hak rakyat terhadap rampasan perang menzahirkan kefahaman bahawa kekayaan adalah amanah, bukan milik mutlak pemimpin. Keadilan, amanah dan penolakan penindasan yang digarapkan oleh pengarang dalam HPN selari dengan garis-garis umum syariah yang menolak kezaliman politik dan ekonomi, walaupun istilah hukum tidak disebut secara terperinci dalam teks namun konsep **Tatanan Ilahi** sering digarapkan oleh pengarang dalam beberapa aspek alam HPN ini.

Akhlak, Kesantunan dan Jati Diri Melayu

Ghozali (2015) menyifatkan akhlak sebagai keperibadian yang membentuk profesionalisme kerja dan hubungan sosial, manakala Halim Tamuri (2007) menunjukkan nilai pengajaran akhlak dalam pendidikan Islam mempengaruhi pembinaan sahsiah. Akhlak dan moral merupakan asas kepada masyarakat yang lestari. Dalam konteks kepimpinan Melayu, Zuraidah Abdullah et al. (2012) mendapati bahawa nilai kepimpinan Melayu rapat dengan adat yang menjaga adab sehingga

memancarkan keperibadian, harga diri dan jati diri Melayu dalam pelbagai aspek. Manakala Tenas Effendy (2000) menghuraikan pemimpin ideal sebagai sosok yang beriman, bertakwa, berhati bersih, adil, jujur, ikhlas, santun dan ramah kepada rakyat yang dinaungi. Mustafa Haji Daud (1995) menghubungkan budi bahasa dengan tamadun Islam dengan menjadikan kesantunan sebagai ciri kemuliaan sebuah peradaban.

Faridah Nazir et al. (2015), Awang Sariyan (2007) menjelaskan tentang konsep kesantunan nilai Melayu dari segi pemilihan kata, nada, ungkapan berkias, pengelakan konflik serta pematuhan kepada aturan sosial dan hierarki. Sementara kesantunan bahasa bukan sahaja bersifat verbal tetapi berkait dengan gerak laku, mimik muka dan ekspresi muka penutur dan pendengar. HPN membawa nilai ini melalui gambaran terhadap budi pekerti Nikosa yang merendah diri, murah hati, lembut beribacara, dan adil. Analisis Zuraini Seruji (2022) terhadap kesopanan dalam pemikiran dan laras bahasa halus dalam HPN menunjukkan bahawa pengarang telah menggunakan bahasa santun untuk menonjolkan kepimpinan yang berhemah serta mempunyai kecerdasan linguistik yang tinggi. Prinsip Kesopanan Leech (1983) untuk menilai maksim persetujuan, sokongan dan kerendahan hati dalam dialog HPN telah banyak meminimumkan perbalahan dalam konteks komunikasi. Pemilihan kata panggilan seperti “ayahanda” dan “anakanda”, serta gelaran panglima dan penghulu, mencerminkan struktur sosial dan etnografi komunikasi masyarakat yang digambarkan. Gabungan semua ini menjadikan akhlak sebagai jambatan antara akidah dan tatanan sosial, dan HPN memperlihatkan nilai akhlak yang berpaksikan iman dan adat membentuk masyarakat yang teratur serta dihormati serta berada dalam situasi yang harmoni.

Analisis Teks

Nilai Keagamaan

Nilai keagamaan dalam HPN muncul dengan jelas dalam dialog Nikosa kepada Pilina. Setelah meneliti keadaan Pilina yang masih muda, bertubuh tegap dan kuat, Nikosa menegaskan bahwa Tuhan sudah mengurniakan kasih dan rahmat melalui tubuh dan potensi kerja pada diri seseorang:

“Maka Tuhan seru sekalian alam pun banyak mengasihi engkau dan memberkati engkau. Maka dengan sepatut-patutnya engkau membalas kasihan Tuhan dan dengan betul mengerjakan pekerjaan yang disuruh-Nya dan lagi mencari supaya engkau dengan bini engkau mendapat senang dan cukup makan.” (hal. 18)

Hubungan manusia dan Tuhan di sini tidak dibina pada unsur magis, tetapi pada kefahaman bahawa nikmat Allah menuntut usaha, ketaatan dan perancangan hidup. Nikosa menggesa Pilina supaya bekerja, mengurus masa dan sumber dengan baik, serta menjauhi sikap yang hanya menyalahkan takdir. Petikan tentang Nikosa yang sentiasa memeriksa hal ehwal rakyat “beserta dengan tolongan Allah” (hal. 11) menunjukkan konsep tawakal yang tinggi seiring dengan usaha, serta selari dengan gagasan bahawa akidah dan iman menjadi tenaga penggerak kepada tindakan yang bertanggungjawab (al-Faruqi, 2000). Dalam naratif HPN, rezeki difahami sebagai gabungan rahmat Ilahi dan sifat kerja keras manusia yang patuh pada perintah-Nya.

Pembentukan Watak

Watak Panglima Nikosa dibentuk sebagai pemimpin yang realistik dengan ciri akhlak yang jelas; pada usia 18 tahun, pengarang menggambarkan sebagai seorang yang wibawa, berhati lurus, baik dan bertanggungjawab sehingga orang ramai dan pengikut dalam komuniti mengharap kepadanya (hal.5). Akhlak peribadi ini kemudian berkembang seiring pengalaman perang, pentadbiran dan pendidikan dalam masyarakat. Nikosa ditonjolkan sebagai anak yang taat kepada ayah serta menghormati orang tua-tua serta pengikutnya. Pengarang juga menjadikan watak

Nikosa sebagai pemimpin yang merendah diri serta pemalu dan tidak sombong. Nikosa juga digambarkan oleh Ahmad Shawal sebagai sosok yang adil kepada rakyat tanpa mengira latar belakang, serta individu yang yakin dan berani menentang musuh dalam apa jua situasi yang akan dilaluinya.

Ketika kembali dengan harta rampasan, Nikosa menolak sifat mementingkan diri; dialog ***“Akan tetapi bukannya kami yang empunya dia” (hal. 8)*** mengungkap pandangan bahawa harta tersebut ialah hak seluruh komuniti, bukan ganjaran peribadi. Gambaran dalam tulisan *“terlalu murah hatinya... berfikir seperti pemikiran orang tua-tua... tiada menaruh sombong serta baik dan adil kepada orang-orang banyak”* mengukuhkan imej pemimpin berjati diri yang digambarkan oleh Hasyim Awang (1995) dan Tenas Effendy (2000) dalam konteks kepimpinan Melayu. Ahmad Shawal turut menggarap ciri pemimpin yang befikiran nilai Melayu, berakhlak, tegas, berani menentang musuh, mencintai tanah air dan sanggup berkorban dalam mempertahankan tanah air. HPN juga sering dikaitkan dengan pemikiran dan ideologi yang positif. Disamping itu juga, HPN sering menggunakan laras bahasa halus yang digunakan terhadap watak Nikosa, menyerlahkan ciri pemimpin yang disegani, adil, bertanggungjawab, yakin dan sangat mengambil berat tentang rakyat. Secara keseluruhannya, pembentukan watak Nikosa dalam HPN menepati ciri pemimpin berakhlak mulia, berilmu dan berwawasan yang ditekankan oleh tradisi pemikiran kepimpinan Islam dan Melayu (Tenas Effendy, 2000).

Dimensi Kesabaran

Dimensi kesabaran dalam HPN terpapar melalui struktur naratif dan masa. Nikosa menempuh perjalanan perang yang panjang, melawan musuh *“beribu-ribu tubuhnya”*, menawan empat buah negeri, dan merentasi gunung tinggi yang sentiasa diliputi awan serta dingin (hal. 1,7). Pengarang menyebut Nikosa jarang tidur sepanjang jalan, sentiasa berhati-hati dan berhemat, yang menunjukkan ketekunan dan kesungguhan dalam menjalankan amanah perang. Petikan tentang laluan sukar di gunung yang tinggi selama tiga bulan mencerminkan ujian fizikal dan mental yang menuntut kesabaran, sedangkan Nikosa dan pengikutnya mengharungi perbezaan bahasa dan adat musuh sehingga pergelutan bukan sahaja menguji kekuatan ketenteraan, malah mentaliti

pemimpin yang mesti konsisten dan tidak mudah goyah dalam mendepani apa sahaja halangan dan cabaran.

Kisah Pilina mengukuhkan lagi dimensi kesabaran. Nasihat Nikosa supaya menanam padi, kemudian buah-buahan, seterusnya sagu yang memakan masa lama untuk matang, mewujudkan pelan jangka panjang yang memerlukan kesanggupan untuk seseorang menunggu hasil. Pilina mengambil masa 12 tahun sebelum kembali ke Jalanan Baharu menjadi seorang yang kaya, kesan daripada mengikut pelan yang dirancang oleh Nikosa. Manakala, hasil penanaman sagu digambarkan mampu menanggung hidup pada usia tua dan menjadi warisan kepada keturunan. Nilai ini memberi gambaran dan perancangan generasi dan kesabaran ke arah membina kemakmuran dalam sesebuah komuniti dan negara. Gagasan kesabaran sebagai proses yang panjang ini selari dengan pemikiran tentang kerja keras dan modal insan yang ditekankan oleh Ibn Khaldun (2000) dalam konteks ekonomi dan sosial. Walaupun HPN tidak menyebut secara langsung, namun karya ini memaparkan melalui naratif, logik yang sama bahawa kejayaan memerlukan masa, penat lelah dan ketahanan diri dan mental serta harus bertawakal kepada Allah SWT.

Pendidikan

HPN turut menonjolkan pendidikan sebagai asas pembinaan akhlak dan kelangsungan tatanan Ilahi. Nikosa dan isterinya menyediakan guru bagi anak-anak mereka yang belajar membaca, menulis dan bekerja dalam *“segala pasal yang besar dan kecil”*, manakala anak-anak ini digambarkan lebih pandai daripada orang ramai serta mampu mengajar generasi kemudian, yang selaras dengan pandangan bahawa ilmu ialah budaya hidup orang Melayu untuk melahirkan generasi yang mempunyai cara befikir yang kritis dan mahir dalam pelbagai bidang (Santrol Abdullah, 2024). Kepimpinan Nikosa sendiri mengandungi dimensi pendidikan moral kerana beliau membahagikan harta rampasan perang dengan adil, membina penempatan baharu yang tersusun di tanah yang sesuai, mempertimbangkan keselamatan wanita dan kanak-kanak ketika lelaki keluar mencari rezeki, serta memberikan tunjuk ajar terperinci kepada Pilina untuk

keluar daripada kemiskinan. Konsep ini menjadikan HPN seperti teks pedagogi yang menetapkan contoh tingkah laku, menjelaskan yang patut dan cara mencapainya.

Perbincangan

Daripada analisis, HPN dapat dikategorikan sebagai sebuah teks yang merangka cara baharu masyarakat memahami kuasa, tanggungjawab dan kemajuan, dengan memaparkan kepimpinan bukan sebagai hak turun-temurun tetapi sebagai amanah yang terbit daripada akhlak, kebijaksanaan dan pengiktirafan dalam masyarakat. HPN memperlihatkan pemimpin dipilih berdasarkan keupayaan dan jasa dalam pelbagai bidang yang dikuasainya. Nikosa dilantik menjadi ketua selepas berjaya menewaskan musuh serta menunjukkan keberanian, kemurahan hati dan keadilan. Seperti dalam petikan HPN *lalu orang tua-tua dan orang besar-besar bermuafakat menamakannya Panglima Besar dan menjadikannya "tua dan kepala" semua kampung*. Aspek ini selari dengan gagasan kepimpinan berasaskan prestasi dan akhlak yang dibincang oleh Koontz & Weihrich (1997).

Hubungan antara manusia dalam HPN turut diterjemahkan sebagai etika kerja. Nikosa menasihatkan Pilina supaya bekerja dan tidak bergantung pada nasib, dengan memahami rezeki sebagai hasil kerja yang selari dengan perintah Tuhan, iaitu satu pandangan yang dekat dengan kerangka akidah dan ekonomi Islam yang menekankan niat, iman dan usaha (al-Faruqi, 2000; Abdul Hamid, 2019). HPN turut menggabungkan politik, ekonomi, pendidikan dan moral dalam satu naratif iaitu pembinaan Jalanan Baharu melibatkan penataan kampung di tanah yang baik, rumah yang tersusun, kebun berhampiran tempat tinggal serta penekanan kepada pertanian padi, buah-buahan dan sagu.

Recce dan Thomas (1983) menyifatkan teks ini bukan sahaja sebagai karya sastera tetapi juga dokumen sejarah, risalah politik dan panduan pertanian yang praktikal, manakala nilai kerja kuat, penggunaan masa secara terancang dan pembahagian adil berfungsi sebagai pendidikan moral masyarakat. Keempat, analisis kepimpinan Nikosa mengenal pasti tujuh dasar pemimpin, iaitu ikon pahlawan, berjiwa rakyat, adil, berjati

diri, bijaksana, berwawasan dan berkarisma. Selain itu juga, gaya arahan, bimbingan, nasihat kepada rakyat dan perancangan jangka panjang terhadap Jalanan Baharu merupakan sejajar dengan ciri kepimpinan yang dibincangkan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan (Passmore, 2010). HPN memaparkan ciri moden dari segi pemikiran dan nilai Melayu dalam pelbagai aspek yang dinyatakan di atas walaupun masih membawa nama hikayat namun pada nilai dan pemikirannya naratifnya adalah realistik, berasaskan kehidupan insan serta menolak kebergantungan kepada unsur mitos. Pada masa yang sama nilai yang ditonjolkan oleh pengarang masih mengekalkan akidah, amanah dan akhlak sebagai teras. Nilai ini sejajar dengan pendekatan tradisi pemikiran Islam serta turut selari berdasarkan kepada tiga pendekatan dalam pengkaedahan Melayu (tiga pendekatan agama) iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemsayarakatan, pendekatan budaya dan pemikiran positif (berpesan kepada kebenaran, kesabaran dan keilmuan). Selain itu juga, fungsi pedagogi yang hadir dalam teks selari dengan tradisi sastera Melayu yang menjadikan karya sebagai medan didikan dan nasihat.

Kesimpulan

HPN bukan sekadar teks yang sering dikaitkan dengan istilah “novel Melayu pertama”; melalui penceritaan yang berpusat pada Panglima Nikosa, teks ini memaparkan bahawa pembangunan akhlak, kepimpinan amanah dan pemakmuran masyarakat terikat dengan **Tatanan Ilahi**. Makalah ini menunjukkan bahawa nilai keagamaan dalam HPN dinyatakan melalui kefahaman tentang kasih Tuhan, kewajipan bekerja dan konsep tawakal yang tinggi. Pembentukan watak Nikosa menonjolkan akhlak sebagai sumber legitimasi kepimpinan. Dimensi kesabaran menjadi syarat kejayaan politik dan ekonomi. Beberapa aspek yang telah digarapkan dalam HPN di atas merupakan antara nilai yang mendasari falsafah dan nilai Melayu Sarawak.

Selain itu juga, pendidikan moral, sama ada melalui pendidikan formal, bimbingan masyarakat terutamanya golongan muda menjadi tunjang kelangsungan tatanan Ilahi dalam masyarakat. HPN wajar dibaca sebagai teks pemikiran sosial Melayu yang mendahului zamannya kerana ia merumuskan gambaran bahawa kepimpinan

berasaskan akhlak dan tatanan Ilahi boleh diwujudkan dalam kehidupan nyata, bukan sekadar idea pada kertas. Manakala dalam konteks kajian kesusasteraan dan tamadun Melayu, HPN membuka ruang luas untuk memahami kaitan antara teks, sejarah, akhlak dan usaha membina masyarakat yang sejahtera.

Rujukan

Ab Aziz, Y. (2021). *Model perniagaan berasaskan pemikiran ekonomi Islam menurut perspektif Maqasid al-Shariah*.

Abdul Hamid, S. (2019). Akidah dan keutamaannya dalam pembangunan personaliti usahawan Islam. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*(2019), 333–339.

Ahmad, A. (2015). Tanggungjawab sosial korporat (CSR) institusi perbankan Islam di Malaysia: Antara realiti dan ideal. In A. Ahmad, S. Ismail, & Z. Salwati (Eds.), *Pengurusan Islam dalam pelbagai perspektif* (1st ed.). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. (1983). Hikayat Panglima Nikosa: *The Story of Panglima Nikosa* (P.L Thomas, Trans. & Ed: with an introduction by R.H.W. Reece 7 P.L Thoma). Persatuan Kesusasteraan Sarawak. (Karya asal diterbitkan 1876).

Al-Fārūqī, I. R. (2000). *Al-tawḥīd: Kesannya terhadap pemikiran dan kehidupan*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought Malaysia.

Al-Qaraḍāwī, Y. (1987). *Al-Īmān wa al-Ḥayāh* (13th ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Ghozali, M. (2015). Keperibadian Islam dan profesionalisme dalam pekerjaan: Satu analisis teoritis. *Jurnal Syariah*, 23(2), 255–286.

Halim Tamuri, A. (2007). *Islamic education teachers' perceptions of the teaching of akhlāq in Malaysian secondary schools*. *Journal of Moral Education*, 36(3), 371–386.

Awang, H. (1988). *Pengkaedahan Melayu dalam kajian sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Khaldun. (2000). *Muqaddimah* (Trans.). Jakarta: Pustaka Firdaus.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Indeks Syariah Malaysia: Model tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya: JAKIM.

Jamaludin, J., & Syafrizal, R. (2020). Konsep dasar ekonomi menurut syariat Islam. *Muamalatuna*, 12(1), 38–72.

Nurhayati Abdullah, & Farhana Syed Nokman. (2018, July 5). Model ekonomi Islam wajar dipertimbangkan pelaksanaannya.

Nordi. A(2024). Hikayat Panglima Nikosa (1876). Cerapan masa kini dan cerminan masa depan. *KEPULAUAN. Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, 3(1).

Sara Baden (2024). Dimensi pentadbiran kepimpinan dalam Hikayat Panglima Nikosa dari perspektif pendekatan pengurusan. *KEPULAUAN. Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, 3(1).

Suhaila, N., & Salmy Edawati, Y. (2019). Ciri-ciri akhlak usahawan Muslim berjaya dan hubungannya dengan cara pengembangan harta serta matlamat hidup menurut perspektif al-Qur'an. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(1), 8–17.

Tarmizi, E. (2017). *Harta haram muamalat kontemporer*. Bogor: PT Berkat Mulia Insani.

Effendy, T. (2004). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Zuraini Seruji (2024). Hikayat Panglima Nikosa struktur Bahasa berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983).